

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

21. Adakah Kerajaan Negeri akan menggalakkan model pelancongan yang lebih mampan dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar?
- (a) Adakah kita mampu untuk memastikan bahawa Rancangan Induk baru yang telah dicadangkan mempunyai hala tuju yang dapat menjamin kelangsungan sektor dan daya huni Pulau Pinang bagi jangka masa panjang?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan model pelancongan yang lebih mampan dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Faktor utama dalam pertimbangan penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang adalah pembangunan pelancongan secara mampan *sustainable* di samping menjaga kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah mendapatkan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam proses penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang seperti Ahli Parlimen, ADUN, agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, penggiat-penggiat industri pelancongan, ahli akademik, sektor swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan wakil komuniti.
- (a) Pada masa ini, Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang sedang dikemaskini dan diperhalusi dengan input dan maklumbalas daripada sesi Town Hall yang telah diadakan pada 13 Februari 2020. Seterusnya, pelan tersebut akan dibentangkan kepada penggiat-penggiat

industri pelancongan, Ahli Parlimen dan ADUN di Pulau Pinang sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Penerbitan pelan tersebut ditangguh sehingga situasi COVID-19 bertambah baik di Malaysia disebabkan perubahan dan penyelarasan beberapa pelan promosi kepada selepas COVID-19.

Kejayaan sesuatu pelan adalah bergantung kepada pelaksanaannya dan Kerajaan Negeri akan memastikan seluruh jentera Kerajaan memainkan peranan masing-masing bagi menjamin kelangsungan sektor dan daya huni Pulau Pinang bagi jangka masa panjang.